

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Khamis 19.09.2024

@hmetromy f HarianMetro t @hmetromy www.hmetro.com.my 19

lokal

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Thailand bukan negara berisiko

Kota Bharu

Jabatan Kesihatan Kelantan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen bagi mengenal pasti penduduk di negeri itu yang pulang dari negara berisiko dalam usaha mengekang kes cacar monyet.

Pengarahnya, Datuk Dr Zaini Husin berkata, setakat ini tiada kes cacar monyet direkodkan di Kelantan.

Katanya, individu yang pulang dari negara berisiko termasuk benua Afrika atau mempunyai kontak dengan pesakit cacar monyet akan dipantau.

"Sebab itu kita minta bantuan Jabatan Imigresen bagi mengenal pasti mana-mana individu yang pulang dari negara berisiko cacar monyet.

"Kita juga meminta individu yang pulang dari negara berisiko supaya maklumkan kepada kita bagi

Jabatan Kesihatan kerjasama dengan Jabatan Imigresen pantau kes cacar monyet di Kelantan

memudahkan pemantauan dibuat.

"Alhamdulillah, setakat ini Kelantan tidak merekodkan sebarang kes cacar monyet," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ketika ditanya risiko cacar monyet memandangkan ramai penduduk Kelantan bercuti ke negara jiran sepanjang cuti persekolahan, Dr Zaini berkata, Thailand bukan negara berisiko.

"Walaupun ramai rakyat

kita ke Thailand, namun kita tidak bimbang memandangkan Thailand bukan negara berisiko," katanya.

Terdahulu, media melaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia mengesan satu kes positif cacar monyet atau *mpox varian-clade II* di negara ini, Selasa lalu.

" Kita juga minta individu yang pulang dari negara berisiko supaya maklumkan kepada kita "
Dr Zaini Husin



Denggi di Kelantan meningkat 8.4%

Kota Bharu: Kelantan merekodkan 2,051 kes denggi dengan dua kematian dilaporkan sehingga 7 September lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Husin berkata, kes denggi di negeri itu menyaksikan peningkatan 8.4 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu iaitu 1,892 kes.

"Kejadian wabak denggi yang dilaporkan sehingga 7 September lalu sebanyak 129 wabak berbanding 150 wabak bagi tempoh sama tahun lalu.

"Daripada 129 wabak yang dilaporkan, 96 sudah tamat manakala 33 wabak masih aktif. Pada tahun ini, tujuh lokaliti wabak hotspot berlaku dengan dua wabak masih aktif.

"Wabak hotspot adalah tempoh wabak yang me-

lebih 30 hari," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, pihaknya sudah menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan untuk semua kes dan wabak denggi yang dilaporkan bagi memutuskan rantaian jangkitan.

Katanya, aktiviti kawalan vektor yang dijalankan ialah pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan.

"Sehingga 7 September lalu, sejumlah 365,741 premis diperiksa tempat pembiakan Aedes dan 1,732 kompaun dengan nilai RM866,000 sudah dikeluarkan kepada pemilik premis yang dijumpai terdapat pembiakan Aedes di dalam premis mereka," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

12

NASIONAL

SINAR HARIAN • KHAMIS 19 SEPTEMBER 2024

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Mpox: Thailand bukan negara berisiko

Rakyat Malaysia tidak perlu bimbang, JKNK dan JIM jalin kerjasama pantau pintu sempadan

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
KOTA BHARU

Rakyat Malaysia yang berkunjung ke Thailand tidak perlu bimbang tentang cacar monyet atau mpox kerana negara tersebut tidak berisiko dengan virus tersebut.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, negara yang berisiko ialah Congo, Benua Afrika dan beberapa negara lain.

"Bagaimanapun kita (JKNK) menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk mengetatkan pe-

ngawalan di tiga pintu masuk utama Malaysia-Thailand yang ada di negeri ini.

"Kita pantau mereka yang berkemungkinan datang dari negara berisiko tersebut. Namun setakat ini di Kelantan belum menerima sebarang laporan berhubung cacar monyet," katanya kepada pemberita pada Rabu.

Menurutnya, orang ramai khususnya yang pulang dari negara berisiko atau terdedah dengan penyakit tersebut diminta tampil memaklumkan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ujarnya, jika ada dalam kalangan mereka yang mempunyai simptom perlu maklum segera untuk memudahkan pihak KKM membuat pemantauan.

Sinar Harian pada Rabu melaporkan, KKM mengesan satu kes positif cacar monyet atau mpox varian clade II di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kes berkenaan dikesan daripada 58 kes disyaki mpox yang telah dirujuk kepada



DR ZAINI



Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) sahkan Thailand tidak berisiko dengan cacar monyet atau mpox.
- Gambar hiasan

KKM sepanjang tahun ini.

Ujarnya, pesakit berkenaan merupakan seorang lelaki warga tempatan yang mula menunjukkan gejala demam, sakit tekak

dan batuk pada 11 September lepas manakala ruam mula muncul pada 12 September.

Menurutnya, individu yang sedang dalam isolasi itu tidak

mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari sebelum gejala timbul dan kini berada dalam keadaan stabil.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : DALAM NEGERI

Waspada meskipun Thailand bukan berisiko Mpox

KOTA BHARU: Rakyat negeri ini yang berkunjung ke Thailand tidak perlu kluatir kerana negara berkenaan bukan lokasi berisiko terdedah wabak cacar monyet atau Mpox.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr. Zaini Hussin bagaimanapun berkata, tahap keselamatan diri sepanjang berada di luar negara perlu diberikan perhatian sebagai langkah pencegahan.

Menurutnya, pihaknya menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan membuat pemantauan sebagai persediaan awal bagi mengelak penularan wabak itu.

"Walaupun tiada sebarang jangkitan dikesan di Kelantan setakat ini, namun kita sudah menempatkan para petugas di pintu masuk sempadan iaitu Pengkalan Kubor (Tumpat) dan Rantau Panjang (Pasar Mas) setiap hari untuk menjalankan saringan kesihatan ke atas pelancong dari negara-negara berisiko Mpox.

"Negara yang berisiko dengan wabak ini adalah dari benua Afrika seperti Congo dan beberapa negara lain," katanya ketika ditemui pemberita di sini.

Zaini memberitahu, orang ramai khususnya yang pulang dari negara berisiko atau terdedah dengan penyakit tersebut diminta tampil memaklumkan



RAKYAT Kelantan yang berkunjung ke Thailand perlu menjaga keselamatan diri walaupun negara gajah putih itu bukan lokasi berisiko terdedah wabak cacar monyet atau Mpox. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Katanya, sekiranya ada dalam kalangan mereka mempunyai simptom, perlu segera maklum untuk memudahkan KKM membuat pemantauan.

Media kelmarin melaporkan hanya satu kes Mpox disahkan positif daripada keseluruhan 58 kes wabak itu yang dirujuk

kepada KKM sepanjang tahun ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, pesakit tersebut merupakan seorang lelaki tempatan yang mula menunjukkan gejala demam, sakit tekak, dan batuk pada 11 September lalu manakala ruam mula muncul keesokannya.